

21 NOV 1999

Pilihan raya-Pemuda

PEMUDA AKUR DENGAN KEPUTUSAN PUCUK PIMPINAN

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno berterima kasih kepada Perdana Menteri dan berpuashati dengan pencalonan 26 anggotanya dalam barisan calon Barisan Nasional (BN) untuk bertanding pada pilihan raya ke-10 ini.

Penolong Setiausaha Pemuda Zulkifli Alwi berkata dengan pengiktirafan pucuk pimpinan itu pergerakan berikrar akan bekerja keras untuk memastikan kemenangan setiap calon BN.

"Kami akur dan terima sepenuhnya keputusan pucuk pimpinan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat khas Exco Pergerakan Pemuda di sini hari ini.

Mengenai persiapan kempen pilihan raya, Pemuda Umno yakin dapat memperkukuhkan jentera parti di setiap peringkat pusat, negeri, bahagian dan cawangan.

Berdasarkan maklumbalas dari setiap negeri keadaan kempen adalah memberangsangkan dan yakin BN boleh mencatatkan kemenangan bukan sahaja dua pertiga malahan mungkin lebih besar dalam pilihan raya ini, katanya.

Zulkifli berkata pergerakan itu akan sentiasa melakukan pemantauan berhubung kempen pilihan raya dan bilik gerakan di ibu pejabat akan beroperasi sepenuh masa.

Dalam mesyuarat itu, Pergerakan Pemuda turut mengingatkan parti pembangkang agar tidak menggunakan tindakan yang boleh menimbulkan provokasi kepada Pergerakan Pemuda dan pekerja kempen semasa berkempen kerana ini boleh mewujudkan keadaan yang tidak diingini atau ketegangan yang mungkin boleh menjadi lebih buruk.

Sebelum ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ada melahirkan kebimbangan bahawa parti pembangkang tertentu akan guna taktik kotor untuk menggugat proses pilihan raya.

Sejak tahun lepas, siri demi siri demonstrasi telah dilakukan berikutan isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan penglibatan pembangkang sehingga ada yang mencetuskan kekerasan dan keadaan ketakutan kepada rakyat, katanya.

Pergerakan itu juga mengingatkan lebih 700,000 anggotanya agar berkempen secara bersih, berhemah tinggi dan secara bijaksana serta menunjukkan sikap sabar.

Zulkifli berkata Pergerakan Pemuda tidak akan membenarkan mana-mana pihak mengganggu kelicinan kempen BN.

Mesyuarat hari ini turut dihadiri empat bekas anggota Dewan Undangan Negeri yang tidak dicalonkan kali ini iaitu Abdul Fatah Abdullah (DUN Padang Tengku, Pahang), Azizan Yaakob (DUN Pulau Tawar, Jerantut), Hamlan Din (DUN Belantek, Sik, Kedah) dan Mohamed Lokman Muda (DUN Jabu, Setiu).

Keempat-empat mereka menerima keputusan itu dengan hati terbuka dan berjanji memberi sokongan untuk memastikan kemenangan calon BN.

Mengenai pencalonan semula Datuk Zahid Hamidi bagi kerusi Parlimen Bagan Datoh, Perak, Pergerakan Pemuda yakin pucuk pimpinan telah mengambil kira semua faktor dan ternyata beliau adalah yang terbaik.

Hanya empat daripada 26 calon di kalangan Pergerakan Pemuda Umno bagi pilihan raya 29 Nov ini terdiri daripada muka lama.

-- BERNAMA

CR RON